

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)55

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

55. Sektor pelancongan.

- (a) Senaraikan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk pembangunan sektor pelancongan mengikut tahun sejak tahun 2020.
- (b) Bagaimanakah memastikan bahawa pembangunan pelancongan membawa manfaat kepada komuniti setempat khususnya ekonomi tempatan?
- (c) Sejauh manakah pelancongan mampan dilaksanakan di Pulau Pinang agar alam sekitar dan penduduk setempat tidak terjejas?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

55. (a) Peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang disalurkan bagi pembangunan sektor pelancongan negeri melibatkan peruntukan pemberian cukai pelancongan dan peruntukan pembangunan daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Senarai peruntukan adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Sektor pelancongan secara langsungnya dapat memajukan bidang perniagaan di negeri dan ekonomi setempat. Ini kerana

pelancong yang datang ke negeri memerlukan tempat penginapan, makanan dan minuman, perkhidmatan pengangkutan, jurupandu pelancong dan perkhidmatan lain. Selain itu, permintaan yang tinggi terhadap makanan juga telah mewujudkan peluang perniagaan yang luas kepada usahawan tempatan yang menjalankan perniagaan di medan selera mahupun di kedai dan warung yang terletak di tepi jalan.

Pelancongan juga membuka peluang pekerjaan yang lebih luas dalam sektor tersebut. Pelancongan merupakan antara industri yang memerlukan tenaga kerja yang ramai seperti pekerja hotel, pemandu pelancongan, pekerja kedai cenderamata dan pekerja kedai kraftangan. Perkembangan industri pelancongan yang menggalakkan di negeri ini meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman serta golongan pekerja mahir dan separa mahir. Kesannya kualiti hidup rakyat juga akan meningkat.

- (c) Pulau Pinang telah secara aktif mengguna pakai pelbagai strategi untuk mempromosikan pelancongan mampan dan meminimumkan kesan alam sekitar. Satu inisiatif utama ialah

pengiktirafan *Penang Hill Biosphere Reserve* (PHBR), yang beroperasi di bawah program *UNESCO's Man and the Biosphere* (MAB). PHBR mempromosikan ekopelancongan sambil melindungi biodiversiti dan ekosistem Pulau Pinang melalui program pemuliharaan dan perkongsian dengan pihak berkepentingan tempatan. Pengunjung digalakkan untuk meneroka alam semula jadi secara bertanggungjawab dengan melibatkan diri dalam aktiviti berimpak rendah seperti mendaki dan eko-pelancongan berpandu yang mendidik tentang flora dan fauna tempatan. Dengan meningkatkan kesedaran, PHBR membantu mengekalkan keindahan semula jadi sambil menyokong perniagaan dan komuniti tempatan dengan cara yang mesra alam.